

“KECEKALAN MEMBUAHKAN KEBERKATAN”

(6 Januari 2017 / 7 Rabiulakhir 1438)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿فَإِذَا أَسْتَوَيْتَ أَنْتَ وَمَنْ مَعَكَ عَلَى الْفَلَاحِ فَقُلْ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي نَجَّنا مِنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ﴾ (٢٨)

﴿وَقُلْ رَبِّ أَنْزِلْنِي مُنزَلاً مَبْرُكاً وَأَنْتَ خَيْرُ الْمُنزِلِينَ﴾ (سورة المؤمنون: ٢٨-٢٩)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: **“KECEKALAN MEMBUAHKAN KEBERKATAN”**.

SIDANG JUMAAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

Sememangnya, umat Islam dituntut menjadi insan yang sentiasa taat dalam melaksanakan segala perintah Allah SWT di dunia ini. Tuntutan

ini mencakupi semua aspek rohani dan jasmani yang menghubungkan manusia dengan penciptanya, menghubungkan manusia sesama manusia dan menghubungkan manusia dengan makhluk Allah yang lain.

Hakikatnya, ketaatan memerlukan kepada kesungguhan, kecekalan, keazaman dan memenuhi tuntutan agama bagi membolehkan kita mendapat keberkatan daripada apa yang diusahakan. Dalam hal ini, Imam Fakhrrur Razi mentakrifkan *Al-Barakah* kepada dua makna iaitu (i) subur dan bertambah, dan (ii) kekal dan berterusan. Yang pasti, keberkatan merupakan suatu pengurniaan daripada Allah SWT kepada mereka yang taat dan sarat dengan nilai keimanan serta ketakwaan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-A'raf ayat 96:

﴿وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا
فَأَخَذْنَا مِنْهُم مَّا كَانُوا يَكْسِبُونَ﴾

Maksudnya: “Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah *berkatnya*, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

Alhamdulillah, di permulaan tahun 2017 ini, marilah kita sama-sama mengorak langkah dengan penuh tekad dan keazaman serta cecal berusaha untuk menggapai lebih banyak kejayaan. Dengan kejayaan ini, diri kita, keluarga, masyarakat dan negara akan memperoleh pelbagai manfaat dan kebaikan.

Selain itu, kita akan terus menjadi umat yang kuat, bermaruah dan disegani kawan serta lawan berdasarkan acuan yang tersendiri demi masa hadapan yang lebih gemilang. Sesungguhnya, semakin hari kita semakin

menghampiri ambang 2020. Keadaan ini menandakan titik permulaan pelbagai cabaran dan rintangan yang bakal menghambat.

Namun, kita tidak boleh lemah semangat, apa lagi bersikap putus asa. Sebaliknya kita perlu rajin berusaha dan mengambil perhatian serius terhadap soal pendidikan generasi anak bangsa; menambah nilai aspek kesihatan dan kebersihan; mengurus kewangan berdasarkan keperluan dan kemampuan; dan menyemarakkan budaya perpaduan.

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

Pada masa sama kita juga menginsafi bahawa segala usaha yang kita lakukan pasti akan dipertanggungjawabkan apabila tiba saat dan waktunya kita bertemu dengan Allah SWT di hari kiamat kelak. Hal ini telah diperingatkan oleh Rasulullah SAW menerusi hadith yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Tirmizi iaitu:

عَنْ أَبِي بَرْزَةَ الْأَسْلَمِيِّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَزُولُ قَدَمَا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ عِلْمِهِ فِيمَا فَعَلَ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ وَعَنْ جِسْمِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ

Mafhumnya: *“Daripada Abi Barzah Al-Aslami bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: “Tidak berganjak kaki seseorang di hari kiamat kelak sehinggalah dia ditanya tentang umurnya di manakah dihabiskan, tentang ilmunya pada apa diamalkan, tentang hartanya daripada mana diperolehi dan ke mana dibelanjakan dan tentang anggotanya untuk apa digunakan.”*

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH

Ibn Khaldun dalam kitabnya "**Muqaddimah**" menukilkan surat Abdul Hamid seorang setiausaha di Istana Hisyam bin Abdul Malik yang dibacakan kepada para setiausaha dalam hal pemerintahan menyatakan bahawa, *“Benarkanlah diri kamu dibimbing pada masa hadapan dengan pengalaman masa silam. Kemudian pilihlah kaedah melakukan sesuatu*

pekerjaan yang lebih pasti, lebih tepat, dan yang menjanjikan hasil yang terbaik.

Sedarilah kamu bahawa ada sesuatu yang akan menghancurkan pencapaian, iaitu sesuatu yang menghalanginya daripada menggunakan pengetahuannya. Oleh yang demikian setiap daripada kamu sewaktu masih berkhidmat harus berusaha untuk berbicara tidak lebih daripada apa yang wajar, harus tepat dalam persoalan yang ditimbulkan dan jawapan yang diberikan, serta hujah yang dikemukakan. Dengan itu terdapat kebaikan dalam pekerjaannya dan dorongan untuk memperbanyakkan. Dan mohonlah kepada Allah SWT supaya Dia memberikan keberhasilan, serta membantu dengan petunjuk-Nya, kerana dibimbangi berlakunya kesalahan yang akan membahayakan tubuh badannya, akal nya serta pengetahuannya.”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH

Islam sebagai agama yang syumul telah meletakkan *taklif* ke atas umatnya dengan amanah dan rasa tanggungjawab. Melalui sifat-sifat mulia ini kita memberi sokongan dan memperjuangkan hak-hak kemanusiaan menurut kemampuan yang ada pada kita.

Dalam pada itu, kita tidak dapat lari dari berdepan dengan ujian dan cabaran yang tidak terduga. Kini, terdapat saudara kita di beberapa buah negeri sedang berhadapan dengan musibah banjir dan memaksa mereka berpindah dari kediaman mereka ke pusat perlindungan.

Sememangnya, dalam mengurus situasi ini kecekapan daya tindak dan tadbir urus pihak berkuasa khususnya dalam soal mengutamakan dan memperingkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana yang berlaku adalah amat penting sekali. Justeru, pelbagai langkah diambil yang merangkumi pelbagai peringkat dan menjadi tanggungjawab kita bersama

supaya sentiasa bersedia jika berlaku apa-apa bencana termasuk dari segi perpindahan ke pusat pemindahan, persediaan sebelum menghadapi bencana dan sebagainya.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH

Mimbar yakin dengan adanya kesedaran terhadap segala ujian dan hikmahnya, maka kita lebih bersedia untuk menghadapinya dengan penuh keinsafan. Bahkan kita juga sedia memikul tanggungjawab untuk bersama-sama mempersiapkan diri dengan langkah-langkah dalam memastikan keselamatan nyawa dan harta, mengamalkan sifat sabar, menginsafi diri dan redha dengan ketentuan Allah SWT, hindari segala perkara yang boleh mendatangkan kemurkaan Allah SWT dan tidak berputus asa daripada rahmat Allah SWT.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama menghulurkan bantuan dan mendoakan keselamatan mereka. Mudah-mudahan kecekalan kita menghadapi segala cabaran dan ujian membuahkan keberkatan daripada Allah SWT. Sebagai mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati intipati khutbah yang disampaikan sebagai pedoman di dalam kehidupan kita, antaranya:

Pertama: Umat Islam dituntut untuk melipat-gandakan usaha dan tidak berputus asa dalam setiap cabaran yang datang.

Kedua: Kita dituntut beramal dengan ikhlas bagi meraih keredhaan Allah dan menambah keberkatan dalam hidup.

Ketiga: Kejadian bencana tidak boleh dipandang ringan tetapi memerlukan kesiapsiagaan dan usaha serius semua pihak.

Marilah kita merenungi firman Allah SWT di dalam Surah al Hadid ayat 22-23 yang berbunyi:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِنْ قَبْلِ أَنْ نَبْرَأَهَا إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٢٢﴾ لِكَيْلَا تَأْسَوْا عَلَى مَا فَاتَكُمْ وَلَا تَفْرَحُوا بِمَا ءَاتَاكُمْ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿٢٣﴾﴾

Maksudnya: “Tidak ada kesusahan yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab sebelum Kami menjadikannya; sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah. Supaya kamu tidak bersedih hati akan apa yang telah luput daripada kamu, dan tidak juga bergembira dengan apa yang diberikan kepadamu. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takabbur, lagi membanggakan diri”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِزْعَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَاحِبِ الْغُرِّ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَذَرُوا. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَثَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى وَلَمْ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَيَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَيَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيُّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقُرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالتَّمُكِينَ وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوَحِّدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَاللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ مَلِكِنَا:
 كباوه دولي یغ مها مولیا سري قادوك بکیندا یغ دفرتوان اکو غ سلطان محمد کلیمَا
 وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ. أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكُهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلُهُ وَبَلَّغَهُ مِنَ الْخَيْرِ
 مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزْرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَاجًا، وَارْزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ
 لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ سَرَاجًا وَهَاجًا.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيْبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَحِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ
 بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَقِّفْنَا جَمِيعًا لِبَطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ
 مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Lindungilah kami Ya Allah, daripada segala bala bencana, musibah dan ujian yang berpanjangan. Tenangkanlah hati kami Ya Allah dan redha menerima segala ketetapan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾
 ﴿ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾
 عِبَادَ اللَّهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
 عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
 يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.